

## FREQUENTLY ASK QUESTIONS (FAQ)

### PROGRAM KHAS LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA DALAM NEGARA TAHUN 2020

#### 1. Apakah itu Program Khas Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia Dalam Negara Tahun 2020?

Program Khas Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) Dalam Negara Tahun 2020 merupakan penajaan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kepada pelajar cemerlang lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mendapat keputusan sekurang-kurangnya 9A+ untuk melanjutkan pelajaran di dalam negara.

Calon-calon akan ditawarkan penajaan untuk mengikuti pengajian peringkat Persediaan hingga ke Ijazah Pertama di Universiti Awam (UA), *Government Linked Universities* (GLU) dan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) dalam negara yang dikenalpasti, tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan.

#### 2. SYARAT PENAJAAN

##### 2.1 Syarat Umum

- (i) Warganegara Malaysia.
- (ii) Mempunyai kesihatan yang baik.
- (iii) Menduduki peperiksaan SPM buat pertama kali pada tahun 2019 bagi calon sekolah, atau menduduki peperiksaan SPM buat kali pertama pada tahun sebelum tahun penawaran biasa di mana-mana sekolah menengah bagi calon dari sekolah khas, sekolah swasta dan calon-calon persendirian.
- (iv) Umur belum mencapai 18 tahun (19 tahun bagi pelajar peralihan) pada 31 Disember tahun peperiksaan SPM diduduki.

- (v) Ibu/bapa tidak disenarai hitam oleh JPA atau sedang dalam tindakan undang-undang JPA.
- (vi) Tidak menerima bantuan kewangan / tajaan dari mana-mana agensi untuk peringkat atau pengajian yang sama

## 2.2 Syarat Khusus

- (i) Pelajar hendaklah mendapat keputusan SPM sekurang-kurangnya **9A+** dalam mana-mana mata pelajaran tanpa mengambil kira mata pelajaran selebihnya (sekiranya ada).
  - (ii) Memulakan pengajian peringkat Persediaan sebelum 31 Disember tahun penawaran biasa.
3. **Jika saya mendapat keputusan 9A+ dan 2A-, bolehkah saya memohon Program Khas Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia Dalam Negara Tahun 2020?**

**BOLEH** kerana saudara/i telah memenuhi **syarat minimum yang ditetapkan** iaitu mendapat **sekurang-kurangnya 9A+** yang diambil semasa **SPM** tahun **2019**.

4. **Jika saya mendapat keputusan 7A+ dan 2A, bolehkah saya memohon Program Khas Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia Dalam Negara Tahun 2020?**

**TIDAK BOLEH** kerana saudara/i Tidak memenuhi syarat **syarat minimum yang ditetapkan** iaitu mendapat **sekurang-kurangnya 9 A+** dalam mana-mana mata pelajaran yang diambil semasa **SPM** tahun **2019**.

**5. Apakah itu *Student Assessment Centre (SAC)*?**

*Student Assessment Centre (SAC)* merupakan kaedah pemilihan pelajar bagi menyediakan profil interpersonal pelajar dan menyediakan maklumat kumulatif berkenaan kompetensi pelajar bagi memilih pelajar terbaik untuk ditaja JPA. Penilaian SAC ini adalah untuk melihat keadaan fizikal, penampilan, kesesuaian, kerjasama, ketahanan, kematangan, daya kreativiti, komunikasi, kepimpinan dan minat calon dalam bidang pengajian dan Perkhidmatan Awam.

**6. Bilakah program SAC akan dijalankan?**

SAC dijadualkan pada **6 April 2020 hingga 10 April 2020** di seluruh zon negeri seperti ketetapan berikut :

Bil.	Zon	Pusat Pelaksanaan SAC
1.	Zon Utara	Jitra
2.		Pulau Pinang
3.	Zon Selatan	Melaka
4.		Johor Bahru
5.	Zon Timur	Kuantan
6.		Kota Bharu
7.	Zon Tengah	Bangi
8.	Zon Sabah	Kota Kinabalu
9.	Zon Sarawak	Kuching
10.		Miri

**7. Bilakah saya boleh mengetahui sama ada saya dipanggil untuk ke program SAC?**

Calon boleh membuat semakan panggilan ke program SAC mulai **30 Mac 2020** secara dalam talian laman web JPA iaitu <https://esilav2.jpa.gov.my/>. Pusat SAC yang perlu dihadiri adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam surat panggilan.

**8. Apakah dokumen yang perlu saya bawa semasa menghadiri program SAC?**

Dokumen yang perlu di bawa semasa menghadiri SAC adalah:

**Dokumen Asal**

- (a) Kad Pengenalan Calon.
- (b) Sijil Kelahiran Calon.
- (c) Surat Panggilan Student Assessment Centre (SAC).
- (d) Penyata Saraan Tahunan iaitu Penyata EA bagi pekerja swasta atau Penyata EC bagi pekerja agensi kerajaan (jika ada).
- (e) Borang Pengesahan Pendapatan Bulanan Ibu atau / dan Bapa atau / dan Penjaga.

**Satu (1) Salinan Dokumen yang disahkan**

- (a) Kad Pengenalan Calon, Ibu dan Bapa.
- (b) Sijil Kelahiran Calon, Ibu dan Bapa.
- (c) Penyata Bayaran Pencen / Slip Gaji Ibu dan / atau Bapa dan/atau Penjaga.
- (d) Sijil Warganegara ibu dan/atau bapa dan/atau penjaga (sekiranya berkaitan).

**9. Bagaimanakah JPA akan membuat pemakluman berhubung urusan permohonan, panggilan SAC, keputusan dan penawaran Program Khas JKPJ Tahun 2020?**

Semua urusan berhubung Program Khas JKPJ iaitu permohonan, panggilan SAC, keputusan dan cetakan surat tawaran serta dokumen-dokumen yang berkaitan akan dibuat secara dalam talian di laman web JPA.

Surat-surat/slip-slip pengesahan yang berkenaan hendaklah dimuat turun dan dicetak sendiri oleh calon.

Calon adalah dinasihatkan untuk sentiasa membuat semakan di laman web JPA dari semasa ke semasa bagi mengetahui sebarang maklumat terkini berhubung Program Khas JKPJ Tahun 2020.

- 10. Saya mendapat 9A+ dalam peperiksaan SPM 2018. Bolehkah saya memohon Program Khas Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia Dalam Negara Tahun 2020?**

**TIDAK, Program Khas Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia Dalam Negara Tahun 2020 hanya dibuka kepada pelajar lepasan SPM tahun 2019 sahaja.**

- 11. Apakah jenis program persediaan bagi Program Khas Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia Dalam Negara Tahun 2020?**

Pelajar-pelajar akan mengikuti program persediaan di dalam negara seperti yang telah ditetapkan oleh Kerajaan seperti berikut:

**SENARAI PROGRAM PERSEDIAAN YANG DITAWARKAN DI BAWAH  
PROGRAM KHAS LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
DALAM NEGARA TAHUN 2020**

BIL.	SENARAI PROGRAM
1.	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM)
2.	Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM)
3.	Matrikulasi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM)
4.	Asasi Universiti Awam (UA)  Contoh: Asasi UIAM; Asasi Sains UM; Asasi UNIMAS; Asasi UMS; Asasi UniSZA; Asasi Pengajian Islam UM; Tahmidi USIM; Asasi UKM dan lain-lain.
5.	Program ASASIpintar, Pusat PERMATApintar Negara
6.	Program Persediaan di International Islamic School
7.	<i>Foundation IPTS*</i>  Contoh: <ul style="list-style-type: none"><li>i. Foundation Programme</li><li>ii. A-Level</li><li>iii. International Baccalaureate (IB) Diploma Programme.</li><li>iv. Australian Matriculation (AUSMAT)</li></ul>

**12. Apakah bidang pengajian dan universiti yang ditawarkan?**

**SENARAI UNIVERSITI DAN BIDANG PENAJAAN DI BAWAH  
PROGRAM KHAS LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
DALAM NEGARA TAHUN 2020**

INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI	INSTITUSI	BIDANG
Universiti Awam	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Universiti Malaya (UM)</li> <li>2. Universiti Sains Malaysia (USM)</li> <li>3. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)</li> <li>4. Universiti Putra Malaysia (UPM)</li> <li>5. Universiti Teknologi Malaysia (UTM)</li> <li>6. Universiti Teknologi MARA (UiTM)</li> <li>7. Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM)</li> <li>8. Universiti Malaysia Sabah (UMS)</li> <li>9. Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS)</li> <li>10. Universiti Utara Malaysia (UUM)</li> <li>11. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)</li> <li>12. Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM)</li> <li>13. Universiti Malaysia Perlis (UniMAP)</li> <li>14. Universiti Malaysia Terengganu (UMT)</li> <li>15. Universiti Malaysia Pahang (UMP)</li> <li>16. Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)</li> <li>17. Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)</li> <li>18. Universiti Malaysia Kelantan (UMK)</li> <li>19. Universiti Pertahanan Malaysia (UPNM)</li> <li>20. Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)</li> </ol>	Semua bidang KECUALI Pendidikan, Penerangan, Kejururawatan, Separa Perubatan, Kursus Profesional, Program Berkembar.
Institusi Pengajaran Tinggi Swasta (IPTS)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. International Medical University (IMU)</li> <li>2. Universiti Kuala Lumpur – Royal College of Medicine Perak</li> <li>3. AIMST University (Asian Institute of Medicine, Science &amp; Technology)</li> <li>4. UCSI University</li> <li>5. Cyberjaya University College of Medical Sciences (CUCMS)</li> <li>6. Management &amp; Science University (MSU)</li> <li>7. MAHSA University</li> <li>8. University Tunku Abdul Rahman (UTAR)</li> <li>9. Taylor's University</li> <li>10. Monash University Malaysia, Sunway Campus</li> </ol>	Perubatan

**SENARAI UNIVERSITI DAN BIDANG PENAJAAN DI BAWAH  
PROGRAM KHAS LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
DALAM NEGARA TAHUN 2020**

<b>INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI</b>	<b>INSTITUSI</b>	<b>BIDANG</b>
	11. Newcastle University Medicine Malaysia 12. Universiti Perdana – RCSI 13. SEGi University 14. Lincoln University College	
	1. AIMST University (Asian Institute of Medicine, Science & Technology) 2. International Medical University (IMU) 3. MAHSA University College 4. SEGi University & College	Pergigian

**SENARAI UNIVERSITI DAN BIDANG PENAJAAN DI BAWAH  
PROGRAM KHAS LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
DALAM NEGARA TAHUN 2020**

<b>INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI</b>	<b>INSTITUSI</b>	<b>BIDANG</b>
Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS)	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. UCSI University</li> <li>2. International Medical University (IMU)</li> <li>3. AIMST University (Asian Institute of Medicine, Science &amp; Technology)</li> <li>4. Cyberjaya University College of Medical Sciences (CUCMS)</li> <li>5. Asia Metropolitan University (AMU)</li> <li>6. Management &amp; Science University (MSU)</li> <li>7. SEGi University &amp; College</li> <li>8. Monash University Malaysia</li> <li>9. MAHSA University</li> <li>10. Taylor's University</li> <li>11. Lincoln University College</li> <li>12. Universiti Kuala Lumpur – Royal College of Medicine Perak (UniKL- RCMP)</li> <li>13. KPJ Healthcare University College</li> <li>14. Quest International University Perak (QIUP)</li> </ol>	Farmasi
	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Taylor's University</li> </ol>	Senibina (Merangkumi Part I dan Part II)
	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. AIMST University (Asian Institute of Medicine, Science &amp; Technology)</li> <li>2. Asia Pasific University of Technology and</li> </ol>	

**SENARAI UNIVERSITI DAN BIDANG PENAJAAN DI BAWAH  
PROGRAM KHAS LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
DALAM NEGARA TAHUN 2020**

<b>INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI</b>	<b>INSTITUSI</b>	<b>BIDANG</b>
	Innovation (APU) 3. Curtin University of Technology 4. Infrastructure University Kuala Lumpur (IUKL) 5. INTI International University 6. KDU University College, Utropolis Glenmarie 7. Monash University Malaysia 8. Nilai University 9. SEGi University 10. Swinburne University of Technology Sarawak Campus 11. Taylor's University 12. The University of Nottingham Malaysia Campus 13. UCSI University 14. UniKL Kuala Lumpur – British Malaysian Institute 15. UniKL Kuala Lumpur – Malaysia France Institute 16. Universiti Selangor 17. Universiti Tunku Abdul Rahman 18. UTM - Malaysia Japan International Institute of Technology (MJIIT) 19. University Teknologi Petronas (UTP) 20. Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) 21. Multimedia University (MMU)	Kejuruteraan
	1. International Medical University 2. Monash University Malaysia 3. Universiti Teknologi Petronas 4. Curtin University Sarawak Malaysia 5. Swinburne University Of Technology Sarawak Campus 6. The University Of Nottingham Malaysia Campus 7. Asia Pacific University Of Technology & Innovation 8. University Tenaga Nasional	Sains & Teknologi Dan Sains Sosial

**SENARAI UNIVERSITI DAN BIDANG PENAJAAN DI BAWAH  
PROGRAM KHAS LEPASAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA  
DALAM NEGARA TAHUN 2020**

<b>INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI</b>	<b>INSTITUSI</b>	<b>BIDANG</b>
	9. Management And Science University 10. Sunway University 11. UCSI University 12. Taylor's University 13. Universiti Tunku Abdul Rahman 14. Kolej Universiti Sains Perubatan Cyberjaya 15. Lincoln University College 16. Universiti Multimedia 17. Al-Madinah International University 18. Asia E University 19. City University 20. INTI University 21. MAHSA University 22. Segi University 23. Universiti HELP 24. Universiti Infrastruktur Kuala Lumpur 25. Universiti Kuala Lumpur 26. Universiti Nilai 27. Universiti Tun Abdul Razak 28. KDU University College 29. Kolej Universiti Hospitaliti Berjaya 30. Kolej Universiti Insaniah 31. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor 32. Kolej Universiti TATI 33. Kolej Universiti Teknologi Antarabangsa Twintech 34. Limkokwing University Of Creative Technology	

**13. Bolehkah calon memilih bidang pengajian?**

**Boleh.** Calon-calon hanya dibenarkan memilih **satu (1) bidang yang ditawarkan sahaja** bergantung kepada minat dan kecenderungan calon.

- 14. Adakah calon dibenarkan untuk mengikuti program persediaan secara persendirian di pusat persediaan yang berasingan?**

Pemohon tidak dibenarkan untuk mengikuti program persediaan dengan pembiayaan sendiri di pusat persediaan yang berasingan. Sekiranya berbuat demikian, pemohon **tidak akan ditawarkan** penajaan di Peringkat Ijazah Pertama di bawah program ini.

- 15. Sekiranya saya menolak tawaran penajaan di bawah Program Khas Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia Dalam Negara Tahun 2020, adakah saya layak dipertimbangkan sebarang penajaan lain di JPA?**

YA, pelajar boleh memohon apa-apa program penajaan lain yang ditawarkan oleh JPA sekiranya berminat dan melepassi syarat-syarat permohonan penajaan.

- 11. Berapakah Elaun Sara Hidup yang akan saya terima semasa di peringkat persediaan?**

Elaun Sara Hidup yang akan diterima adalah sebanyak **RM430.00 sebulan**.

- 12. Adakah program SAC dilaksanakan di luar negara bagi calon-calon yang mengikuti program pertukaran pelajar?**

**Tidak.** Program SAC hanya dilaksanakan di **dalam negara sahaja**.

- 13. Sekiranya saya tidak dipanggil ke program SAC, adakah saya boleh membuat rayuan?**

**Tidak.** Hanya calon yang melepassi syarat sahaja akan dipanggil ke program SAC.

- 14. Setelah saya mendapat tawaran penajaan JPA, bolehkah saya memohon pinjaman tambahan daripada penaja lain seperti PTPTN?**

**Tidak.** Pelajar hanya dibenarkan untuk menerima **satu tajaan sahaja**.

- 15. Tarikh Tutup Permohonan**

Tarikh tutup permohonan ialah pada **18 Mac 2020 (Rabu) jam 5.00 petang**.  
Permohonan yang diterima selepas tarikh tersebut tidak akan dipertimbangkan.

- 16. Keputusan Permohonan**

Keputusan permohonan penajaan **Program Khas Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia Dalam Negara Tahun 2020** ini dijangka akan diumumkan melalui laman sesawang <https://esilav2.jpa.gov.my/> pada **5 Mei 2020 (Isnin) jam 5.00 petang**.

\*Dikemaskini pada 5 Mac 2020